



KEMENTERIAN
PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI



SIARAN MEDIA



**PEMULAAAN PENYIASATAN DUTI ANTI-LAMBAKAN TERHADAP IMPORT PRODUK
GULUNGAN RATA BESI ATAU KELULI BUKAN ALOI DENGAN KELEBARAN
600MM ATAU LEBIH, DISALUT, DISADUR ATAU DISEPUH DENGAN TIMAH
(*ELECTROLYTIC TINPLATE* ATAU *TINPLATE*) YANG BERASAL ATAU DIEKSPORT
DARI REPUBLIK RAKYAT CHINA, REPUBLIK INDIA, JEPUN DAN REPUBLIK
KOREA**

Pada 15 Julai 2024, Kerajaan Malaysia (Kerajaan) telah menerima petisyen daripada pengeluar tempatan, Perusahaan Sadur Timah Malaysia (Perstima) Berhad (Pempetisyen), yang memohon supaya siasatan duti anti-lambakan dijalankan ke atas import produk gulungan rata besi atau keluli bukan aloi dengan kelebaran 600mm atau lebih, disalut, disadur atau disepuh dengan timah (*electrolytic tinplate* atau *tinplate*) (dagangan subjek) yang berasal atau dieksport dari Republik Rakyat China (China), Republik India (India), Jepun dan Republik Korea. Pempetisyen mendakwa bahawa import dagangan subjek yang berasal atau dieksport dari negara-negara tersebut telah dijual pada harga yang lebih rendah daripada harga jualan domestik di pasaran negara-negara tersebut (harga lambakan).

Pempetisyen seterusnya mendakwa bahawa lambakan import dari negara-negara tersebut telah meningkat dari segi kuantiti mutlak dan telah menyebabkan kemudaratan material kepada Pempetisyen. Kerajaan telah menilai dan mempertimbangkan maklumat dan bukti lambakan, kecederaan dan kesan hubungkait yang dinyatakan dalam Petisyen dan memutuskan untuk memulakan penyiasatan duti anti-lambakan ke atas import dagangan subjek yang berasal atau dieksport dari China, India, Jepun dan Republik Korea berdasarkan seksyen 20 Akta Duti Balas & Anti-Lambakan 1993 (Akta) dan peraturan 7 Peraturan-Peraturan Duti Balas & Anti-Lambakan 1994 (Peraturan).

Selaras dengan Akta dan Peraturan, penentuan awal akan dibuat dalam tempoh 120 hari dari tarikh pemulaan siasatan. Sekiranya penentuan awal adalah afirmatif, Kerajaan akan mengenakan duti anti-lambakan sementara pada kadar yang diperlukan untuk mengelakkan kecederaan selanjutnya kepada industri tempatan.

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) akan mengedarkan satu set soal selidik dan dokumen berkaitan kepada pihak berkepentingan seperti pengimport, pengekspor atau pengeluar asing subjek dagangan di China, India, Jepun dan Republik Korea dan persatuan-persatuan perniagaan serta Kerajaan negara-negara tersebut. Pihak berkepentingan lain yang berminat untuk mengambil bahagian dalam penyiasatan duti anti-lambakan ini boleh memohon untuk mendapatkan soal selidik secara bertulis kepada MITI selewat-lewatnya pada 29 Ogos 2024. Pihak berkepentingan juga boleh memberikan pandangan secara bertulis, jawapan soal selidik dan bukti sokongan tambahan kepada MITI selewat-lewatnya pada 13 September 2024. Sekiranya pihak berkepentingan tidak memberikan maklumat yang diperlukan atau maklumat dan pandangan tidak diterima dalam bentuk yang memadai dalam had masa yang ditetapkan, Kerajaan boleh membuat penentuan awal berdasarkan fakta sedia ada.

Permohonan bagi borang soal selidik dan sebarang maklumat lanjut mengenai penyiasatan ini boleh didapati dengan menghubungi:

Pengarah, Seksyen Amalan Perdagangan
Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI)
Aras 9, Menara MITI, No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 Kuala Lumpur, MALAYSIA

No. Telefon : (603) 6208 4637 / 4660 / 4646
No. Faksimile : (603) 6211 4429
E-mel : alltps@miti.gov.my

KEMENTERIAN PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI (MITI)
15 Ogos 2024



603-62000083



www.miti.gov.my



webmiti@miti.gov.my



MITI
MALAYSIA



PEMACU POTENSI GLOBAL